



## Idea orang muda

**Pelajar** Universiti UCSI, Nazrul Adam Mahusni (kiri) dan Lee Binli bersama-sama rekaan mereka di Bengkel Seni Bina Dualime, Universiti Malaya (UM).

Pameran lima hari itu mengambil sempena program Bengkel Pelajar Seni Bina yang disertai lebih 600 pelajar institusi pengajian tinggi bagi membincangkan idea binaan berkonsep dualisme.

Program itu anjuran bersama-sama Persatuan Arkitek UM, Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Kementerian Pendidikan serta Fakulti Alam Bina UM.

● Varsiti 4



# Pameran bertema unsur berlawanan

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**ameran Seni Bina Dualisme di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini menyerlahkan kreativiti pelajar menzahirkan tafsiran mengenai elemen bertentangan menerusi arca.

Unsur baik dan jahat, malam dan siang serta keras dan lembut antara elemen berlainan diketengahkan menerusi struktur binaan mereka.

Kumpulan pelajar Fakulti Seni Bina Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam menghasilkan binaan bangku kayu dinamakan Jeriji bagi menceritakan unsur baik dan jahat.

### Bangku bergari

Ketua kumpulan itu, Mohd Aliff Sued, 25, berkata unsur baik pada binaan itu adalah bangku yang boleh dijadikan tempat istirahat dan teduhan sementara

gari dijadikan hiasan bagi menonjolkan identiti jahat.

"Kami mengambil masa sebulan bagi menyiapkan bangku ini menggunakan kayu terbuang. Susunan kayu direka mengikut ketinggian berbeza bagi membolehkan individu pelbagai saiz duduk dengan selesa," katanya.

Sementara itu, kumpulan pelajar UiTM Seri Iskandar, Perak menggunakan buluh bagi menghasilkan arca Laylatulnihar yang memberi gambaran perbezaan siang dan malam.

### Kerja dan rehat

Ketua kumpulan itu, Hasyir Hazwan, 23, berkata ruang bekerja dan berehat diwujudkan pada binaan itu bagi membezakan kegiatan pada dua waktu berkenaan.

"Ruang bekerja dipenuhi dengan peluang menjalankan aktiviti termasuk pameran hasil kreativiti pelajar serta susunan buluh yang boleh ditarik dan ditolak.


"Ruang berehat pula dihiasi angklung, pan-



Binaan kreatif pelajar menggunakan bahan keras dan lembut.




Arca Laylatunahar yang dibina pelajar UiTM Seri Iskandar, Perak.



Antara hasil seni kreatif pelajar di Pameran Seni Bina Dualisme di UM.



Pelajar UiTM Shah Alam bersama dengan hasil seni kreatif mereka.



curan air serta lampu bagi mewujudkan suasana berehat pada waktu malam," katanya.

### Keras dan lembut

Turut dipamerkan binaan ringkas menggunakan gabungan bahan keras dan lembut termasuk besi dan jaringan wayar, paip dan tali rafia bagi menghasilkan struktur pusat pengumpulan bahan kitar semula, peralatan permainan serta tempat

duduk.

Pameran lima hari itu bersempena dengan program Bengkel Pelajar Seni Bina yang disertai lebih 600 pelajar institusi pengajian tinggi bagi membincangkan idea binaan berkonsep dualisme.

Program itu anjuran bersama dengan Persatuan Arkitek UM, Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Kementerian Pendidikan serta Fakulti Alam Bina UM.